OSMAN HASSAN A

lwn.

KETUA POLIS NEGARA & SATU LAGI

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SEREMBAN B
SULAIMAN DAUD H
[GUAMAN SIVIL NO: 22-185-2001]
9 FEBRUARI 2007

PENGKHIDMAT AWAM: *Pembuangan - Pembuangan seorang* C
anggota polis - Plaintif mengaku salah ke atas kedua-dua pertuduhan melakukan kesalahan tatatertib di bawah Jadual 2(7) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Konstabel) 1970 - Pencabaran keesahan dan kewajaran hukuman tatatertib dikenakan - Sama ada pertuduhan pertama cacat D
kerana tidak menepati kehendak peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Konstabel) 1970 - Sama ada pertuduhan kedua tidak berasas dan tidak sah - Sama ada hukuman buang kerja tidak setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan - Sama ada tindakan defendan ke atas plaintif E
berlawanan dengan keadilan asasi - Sama ada kesalahan plaintif serius dalam perkhidmatan polis - Sama ada mahkamah mempunyai sebab untuk campur tangan dalam hukuman buang kerja - Sama ada pegawai yang menjalankan kuasa tatatertib jelas menunjukkan kehendak peraturan dipatuhi - Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) F
(Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Konstabel) 1970, s. 6(2)

POLIS: *Tindakan disiplin - Pembuangan - Pembuangan kerja seorang anggota polis - Plaintif mengaku salah ke atas kedua-dua pertuduhan melakukan kesalahan tatatertib di bawah Jadual 2(7) Peraturan-* G
Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Konstabel) 1970 - Pencabaran keesahan dan kewajaran hukuman tatatertib dikenakan - Sama ada pertuduhan pertama cacat kerana tidak menepati kehendak peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan H
Konstabel) 1970 - Sama ada pertuduhan kedua tidak berasas dan tidak sah - Sama ada hukuman buang kerja tidak setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan - Sama ada tindakan defendan ke atas plaintif berlawanan dengan keadilan asasi - Sama ada kesalahan plaintif serius dalam perkhidmatan polis - Sama ada mahkamah mempunyai sebab I
untuk campur tangan dalam hukuman buang kerja - Sama ada pegawai

yang menjalankan kuasa tatatertib jelas menunjukkan kehendak peraturan dipatuhi - Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Konstabel) 1970, s. 6(2)

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: *Pengkhidmat awam - Pembuangan seorang anggota polis - Plaintif mengaku salah ke atas kedua-dua pertuduhan melakukan kesalahan tatatertib di bawah Jadual 2(7) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Konstabel) 1970 - Pencabaran keesahan dan kewajaran hukuman tatatertib dikenakan - Sama ada pertuduhan pertama cacat kerana tidak menepati kehendak peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Konstabel) 1970 - Sama ada pertuduhan kedua tidak berasas dan tidak sah - Sama ada hukuman buang kerja tidak setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan - Sama ada tindakan defendan ke atas plaintif berlawanan dengan keadilan asasi - Sama ada kesalahan plaintif serius dalam perkhidmatan polis - Sama ada mahkamah mempunyai sebab untuk campur tangan dalam hukuman buang kerja –Sama ada pegawai yang menjalankan kuasa tatatertib jelas menunjukkan kehendak peraturan dipatuhi - Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Konstabel) 1970, s. 6(2)*

Plaintif telah menuntut, antara lain, suatu perisytiharan bahawa pemecatannya oleh defendan adalah melanggar undang-undang, tidak sah dan tanpa apa-apa kuasa, dan seterusnya suatu enkuiri diadakan bagi menentukan gaji yang layak diterimanya. Sebelum pemecatannya pada 9 November 1998, plaintif adalah seorang anggota polis berpangkat lans koperal dalam Perkhidmatan Polis Di Raja Malaysia. Melalui surat bertarikh 16 Oktober 1998, pihak berkuasa tatatertib telah memaklumkan kepada plaintif bahawa beliau telah memutuskan untuk mengambil tindakan tatatertib terhadapnya di bawah Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Konstabel) 1970 atas dua pertuduhan iaitu (a) telah didapati bernikah kali kedua (berpoligami) tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Jabatan dan (b) telah dengan sengaja tidak menurut Perintah Ketua Polis Negara Negeri Sembilan No: 4 di para 19 dan 29 iaitu pergi Songkhla, Thailand tanpa kebenaran dari Ketua Jabatan. Oleh yang demikian plaintif telah melakukan kesalahan tatatertib di bawah Jadual 2(7) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Konstabel) 1970. Plaintif telah mengaku salah ke atas kedua-dua pertuduhan tersebut dan telah dikenakan hukuman buang kerja bagi kedua-dua

pertuduhan itu. Plaintif telah mencabar keesahan dan kewajaran hukuman tatatertib yang dikenakan ke atas plaintif atas alasan-alasan yang berikut iaitu :(i) pertuduhan pertama adalah cacat atas alasan ia tidak menepati kehendak peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan 1970 yang menghendaki sesuatu tuduhan tatatertib itu dirangka mengikut kesalahan yang ditetapkan dalam Jadual; (ii) pertuduhan kedua adalah tidak berasas sama sekali di samping memudaratkan plaintif dan dengan yang demikian adalah terbatal dan tidak sah; (iii) hukuman buang kerja yang telah dikenakan terhadap plaintif adalah berlebihan dan tidak setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan; (iv) kesan pengaruh terhadap pengakuan plaintif dan (v) tindakan defendan ke atas plaintif berlawanan dengan keadilan asasi.

Diputuskan: (menolak rayuan terhadap pertuduhan kedua dengan kos):

(1) Rujukan telah dibuat kepada kes *Abdullah bin Borhan v. Ketua Polis Melaka & Anor* di mana telah diputuskan bahawa peninggalan perkataan-perkataan 'dengan sengaja' dalam suatu pertuduhan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan 1970 merupakan suatu kecacatan yang serius dan yang menjadikan tindakan tatatertib yang diambil menurut pertuduhan tersebut tidak sah dan tidak mempunyai apa-apa kesan di sisi undang-undang. Mahkamah bersetuju dengan keputusan kes berikut. Sesuatu pertuduhan tatatertib yang tidak menyatakan *mens rea* yang menjadi intipati pertuduhan itu adalah cacat dan tidak mendedahkan apa-apa kesalahan tatatertib. Walaupun plaintif telah mengaku salah tetapi ia tidak menghalang mahkamah untuk mengetepikan hukuman tatatertib yang terbit daripada pertuduhan yang cacat tersebut. Oleh itu, plaintif boleh berjaya dalam rayuan terhadap pertuduhan pertama atas alasan ini sahaja. (perenggan 7)

(2) Plaintif telah mengaku salah atas pertuduhan kedua. Plaintif tidak boleh pada peringkat ini mengemukakan keterangan-keterangan baru bagi menafikan intipati pertuduhan tersebut melainkan dia juga dapat menunjukkan bahawa pertuduhan itu tidak jelas atau tidak lengkap atau mengelirukan, atau selainnya pengakuan itu tidak dibuat secara sukarela atau disebabkan oleh pengaruh yang tidak sewajarnya. Tiada keterangan bagi menunjukkan sedemikian. Pertuduhan kedua tersebut telah dengan jelas menyatakan elemen-elemen pertuduhan itu, iaitu

'telah pergi ke Songkhla tanpa kebenaran dari Ketua Jabatan.' Keterangan plaintif bahawa dia tidak pernah pergi ke Thailand atas alasan bahawa dia tidak mempunyai pasport antarabangsa adalah tidak mencukupi untuk menyangkal dakwaan yang dia telah pergi ke Thailand. Di bawah peraturan-peraturan imigresen selain daripada menggunakan pasport antarabangsa kemasukan ke Thailand dari Malaysia boleh dilakukan dengan menggunakan pas lawatan atau permit yang dikeluarkan secara *ad hoc* untuk kegunaan semasa sahaja dan tidak merupakan suatu dokumen tetap. Selain daripada itu, plaintif tidak pernah menafikan kandungan P3 dan P4 yang jelas menunjukkan dia telah berkahwin di Songkhla. Plaintif sudah semestinya gagal atas alasan yang dibangkitkan ini. (perenggan 10 & 11)

(3) Plaintif telah dibuang kerja setelah mengambil kira kesalahan yang dilakukannya adalah serius dalam perkhidmatan polis. Alasan yang telah diberikan itu adalah munasabah setelah mengambil kira bahawa plaintif adalah seorang anggota pasukan polis yang turut terlibat dalam menguatkuasakan undang-undang. Sebagai seorang anggota pasukan polis plaintif hendaklah sentiasa menunjukkan disiplin yang tinggi dan sentiasa taat kepada apa-apa arahan sah yang diberikan kepadanya. Oleh itu dengan bersandarkan kepada prinsip dalam kes *Ng Hock Cheng v Pengarah Am Penjara & Ors*, tiada sebab untuk mahkamah ini campur tangan dalam hukuman buang kerja yang telah dikenakan terhadap plaintif. (perenggan 14)

(4) Tidak terdapat apa-apa merit dalam isu-isu lain yang telah dibangkitkan. Mengenai dakwaan bahawa plaintif telah terpengaruh untuk mengaku salah berdasarkan kepada hukuman ringan yang pernah dikenakan ke atas pegawai-pegawai lain sebelumnya bagi kesalahan yang serupa, apa-apa pengaruh sedemikian adalah tanggapannya sendiri dan tidak datang daripada pihak defendan. Mengenai dakwaan ketidakhadiran pegawai pendakwa bagi maksud prosiding tatatertib tersebut, ternyata tiada keperluan untuk berbuat demikian. Prosedur di bawah peraturan 6(2) Peraturan-Peraturan 1970 adalah terpakai dalam hal di mana pegawai mengaku salah. Keterangan pegawai yang menjalankan kuasa tatatertib jelas menunjukkan dia telah mematuhi kehendak peraturan ini. (perenggan 15)

Kes-kes yang dirujuk:
Abdullah Borhan v. Ketua Polis Melaka & Anor [2002] 1 LNS 115 ***(dirujuk)***
Ng Hock Cheng v. Pengarah Am Penjara & Ors [1998] 1 CL] 405 FC

Perundangan yang dirujuk:
Police (Conduct and Discipline) (Junior Police Officers or Constables) Regulations 1970, regs. 3(1), 6(2)

Bagi pihak plaintif - En Madawan; T/n Morthi, Segaran & Co
Bagi pihak defendan - Vimala Arunasalam; Peguam Persekutuan

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Sulaiman Daud H:

[1] Dalam tindakan ini plaintif telah menuntut, antara lain, suatu perisytiharan bahawa pemecatannya oleh defendan adalah melanggar undang-undang, tidak sah dan tanpa apa-apa kuasa, dan seterusnya suatu enkuiri diadakan bagi menentukan gaji yang layak diterimanya.

[2] Bagi maksud perbicaraan ini dokumen-dokumen yang difailkan telah ditandakan seperti berikut:

(a) Ikatan Pliding ditanda "A";

(b) Ikatan Dokumen Dipersetujui ditanda "B"; (dipersetujui kesahihan sahaja)

(c) Ikatan Dokumen Defendan (Tambahan) ditanda "C"; (dipersetujui kesahihan sahaja);

(d) Pernyataan Fakta Yang Dipersetujui ditanda "C";

Fakta Kes

[3] Sebelum pemecatannya pada 9 November 1998, plaintif adalah seorang anggota polis berpangkat lans koperal dalam Perkhidmatan Polis Di Raja Malaysia. Melalui surat bertarikh 16 Oktober 1998 ACP Baharom bin Ibrahim, bertindak sebagai pihak berkuasa tatateribb, telah memaklumkan kepada plaintif bahawa beliau telah memutuskan untuk mengambil tindakan tatatertib terhadapnya di bawah Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan

Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Konstabel) 1970 (disebut Peraturan-Peraturan 1970) atas dua pertuduhan berikut, iaitu:

Pertuduhan Pertama

Bahawa anda, sebagai Lans Koperal 116598 Osman bin Hassan berkhidmat dalam Pasukan Polis Di Raja Malaysia, bertugas di Balai Polis Seremban, dalam Daerah Seremban, dalam Kontinjen Negeri Sembilan pada 5.11.1997 telah didapati bernikah kali kedua (berpoligami) dengan SITI RAHMAH BTE KASSIM KP: 630418-05-5612 tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Jabatan selaras dengan Arahan Ketua Polis Negara No: 39/37 bth 17.4.96. Oleh yang demikian itu anda telah melakukan satu kesalahan tatatertib di bawah Jadual 2(7) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis Dan Konstabel) 1970 P.U. (A) 86 bertarikh 28.2.70 dan P.U.(A) 56 (Pindaan) bertarikh 23.2.84 dan boleh dihukum di bawah peraturan yang sama.

Pertuduhan Kedua

Bahawa anda, sebagai Lans Koperal 116598 Osman bin Hassan berkhidmat dalam Pasukan Polis Di Raja Malaysia, bertugas di Balai Polis Seremban, dalam Daerah Seremban, dalam Kontinjen Negeri Sembilan didapati Ingkar Perintah iaitu pada 5.11.1997 dengan sengaja tidak menurut Perintah Ketua Polis Negeri Sembilan No: 4 di para 19 dan 20 iaitu pergi Songkhla, Thailand tanpa kebenaran dari Ketua Jabatan. Oleh yang demikian itu anda telah melakukan kesalahan tatatertib di bawah Jadual 2(7) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis Dan Konstabel) 1970 P.U. (A) 86 bertarikh 28.2.1970 dan P.U.(A) 56 (Pindaan) bertarikh 23.2.84 dan boleh dihukum di bawah peraturan yang sama.

[4] Melalui surat yang sama plaintif telah dimaklumkan bahawa Acara Kamar Tatatertib akan diadakan pada 9 November 1998. Plaintif juga dimaklumkan dia boleh dikenakan hukuman sehingga buang kerja jika didapati bersalah, dan haknya untuk mendapatkan salinan surat-surat berhubungan dengan pertuduhan tatatertib itu dan untuk diwakili oleh pegawai polis. Beliau juga telah dikemukakan salinan-salinan dokumen berhubungan dengan tindakan tatatertib tersebut (D14). Dalam prosiding tatatertib yang diadakan di hadapan ACP Baharom pada 9 November 1998 plaintif telah mengaku salah ke atas kedua-dua pertuduhan tersebut setelah kedua-dua pertuduhan itu dibacakan dan diterangkan kepadanya. Dia telah dikenakan hukuman buang kerja bagi kedua-dua pertuduhan itu.

[5] Dalam penghujahannya peguam terpelajar plaintif telah mencabar keesahan dan kewajaran hukuman tatatertib yang dikenakan ke atas plaintif atas alasan-alasan yang berikut, iaitu: (i) pertuduhan pertama adalah defektif; (ii) pertuduhan kedua tidak berasas; (iii) hukuman berlebihan; (iv) telah terdapat pemaafan (condonation); (v) kesan pengaruh terhadap pengakuan plaintif; dan (vi) tindakan defendan ke atas plaintif berlawanan dengan keadilan asasi. Seterusnya saya akan menilai penghujahan kedua-dua pihak mengenai isu dan perkara yang dibangkitkan ini.

Pertuduhan Pertama, Sama Ada Defektif

[6] Peguam terpelajar plaintif menegaskan bahawa pertuduhan pertama adalah cacat atas alasan ia tidak menepati kehendak peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan 1970 yang menghendaki sesuatu pertuduhan tatatertib itu dirangka mengikut kesalahan yang ditetapkan dalam Jadual. Menurut beliau pertuduhan tatatertib terhadap plaintif adalah di bawah perenggan 7 Jadual kepada Peraturan-Peraturan 1970 kerana "dengan sengaja tidak mematuhi arahan atau perintah yang sah", iaitu bernikah kali kedua tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran Jabatan selaras dengan arahan sah yang telah dikeluarkan. Beliau menghujahkan dengan meninggalkan perkataan-perkataan "dengan sengaja tidak mematuhi arahan ..." daripada pertuduhan itu telah menyebabkan pertuduhan itu cacat dan tidak mempunyai apa-apa kuatkuasa dan kesan.

[7] Rujukan telah dibuat kepada kes *Abdullah bin Borhan v. Ketua Polis Melaka & Anor* [2002] 1 LNS 115 di mana telah diputuskan bahawa peninggalan perkataan-perkataan "dengan sengaja" dalam suatu pertuduhan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan 1970 merupakan suatu kecacatan yang serius dan yang menjadikan tindakan tatatertib yang diambil menurut pertuduhan tersebut tidak sah dan tidak mempunyai apa-apa kesan di sisi undang-undang. Saya bersetuju dengan keputusan kes ini kerana pada pendapat saya sesuatu pertuduhan tatatertib yang tidak menyatakan *mens rea* yang menjadi intipati pertuduhan itu adalah cacat dan tidak mendedahkan apa-apa kesalahan tatatertib. Walaupun plaintif telah mengaku salah tetapi ia tidak menghalang mahkamah untuk mengetepikan hukuman tatatertib yang terbit daripada pertuduhan yang cacat tersebut. Oleh itu plaintif boleh berjaya dalam rayuan terhadap pertuduhan pertama atas alasan ini sahaja.

A **Pertuduhan Kedua**

[8] Bagi pertuduhan ini peguam terpelajar plaintif telah menarik perhatian mahkamah kepada intipati pertuduhan itu, iaitu 'dengan sengaja tidak menurut perintah ... pergi ke Songkhla, Thailand
B tanpa kebenaran dari Ketua Jabatan'. Bagi mencabar kebenaran pertuduhan itu peguam terpelajar plaintif telah merujuk kepada keterangan SD1, pegawai yang menjalankan kuasa tatatertib yang dimaksudkan, yang menyatakan pertuduhan itu adalah berdasarkan sijil nikah plaintif semata-mata tanpa apa-apa siasatan lain.
C Seterusnya beliau telah merujuk kepada keterangan plaintif yang menafikan pernah memasuki Thailand pada masa material. Menurut plaintif dia tidak mempunyai sebarang pasport antarabangsa atau permit untuk memasuki Thailand. Keterangan ini disokong oleh surat Jabatan Imigresen yang mengesahkan tidak wujud rekod
D berkaitan passport/dokumen perjalanan plaintif; dan juga Borang Cuti P1 di mana plaintif memberikan alamatnya semasa bercuti di Padang Besar Perlis. Berdasarkan kepada keterangan-keterangan di atas, peguam itu menghujahkan pertuduhan kedua tersebut adalah tidak berasas sama sekali di samping memudaratkan plaintif, dan
E dengan yang demikian adalah terbatal dan tidak sah.

[9] Peguam Persekutuan, bagi pihak defendan, telah menegaskan bahawa plaintif sendiri telah mengaku salah atas pertuduhan kedua ini. Menurut peguam terpelajar itu plaintif sendiri tidak menafikan
F sijil nikah P3 dan P4 yang menunjukkan bahawa perkahwinan itu telah berlangsung di Songkhla, Thailand.

[10] Adalah tidak dipertikaikan bahawa plaintif telah mengaku salah atas pertuduhan kedua. Keterangan SD1 yang tidak cabar menunjukkan pertuduhan itu telah dibacakan kepada plaintif dalam
G Bahasa Malaysia. Plaintif memahami pertuduhan itu dan mengaku salah. Pada hemat saya plaintif tidak boleh di peringkat ini mengemukakan keterangan-keterangan baru bagi menafikan intipati pertuduhan tersebut melainkan dia dapat menunjukkan bahawa pertuduhan itu tidak jelas atau tidak lengkap atau mengelirukan,
H atau selainnya pengakuan itu tidak dibuat secara sukarela atau disebabkan oleh pengaruh yang tidak sewajarnya. Tiada keterangan bagi menunjukkan sedemikian.

[11] Dalam kes sekarang ini saya mendapati pertuduhan kedua
I tersebut telah dengan jelas menyatakan elemen-elemen pertuduhan itu, iaitu 'telah pergi ke Songkhla tanpa kebenaran dari Ketua Jabatan'. Plaintif sendiri menyatakan dia telah mengaku salah

setelah pertuduhan dibacakan kepadanya. Walau apapun saya juga mendapati keterangan plaintif bahawa dia tidak pernah pergi ke Thailand atas alasan bahawa dia tidak mempunyai pasport antarabangsa adalah tidak mencukupi untuk menyangkal dakwaan yang dia telah pergi ke Thailand. Di bawah peraturan-peraturan imigresen selain daripada menggunakan pasport antarabangsa kemasukan ke Thailand dari Malaysia boleh dilakukan dengan menggunakan pas lawatan atau permit yang di keluarkan secara *ad hoc* untuk kegunaan semasa sahaja dan tidak merupakan suatu dokumen tetap. Selain daripada itu saya juga menerima penghujahan Peguam Persekutuan bahawa plaintif tidak pernah menafikan kandungan P3 dan P4 yang jelas menunjukkan dia telah berkahwin di Songkhla. Plaintif sudah semestinya gagal atas alasan yang dibangkitkan ini.

Hukuman

[12] Selanjutnya peguam terpelajar plaintif telah menghujahkan bahawa hukuman buang kerja yang telah dikenakan terhadap plaintif adalah berlebihan dan tidak setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan. Tambah beliau kegagalan SD1 menjelaskan faktor-faktor yang ditimbangkan dalam menjatuhkan hukuman tersebut adalah suatu ketidakpatuhan prosedur yang serius dan suatu pengabaian keadilan asasi yang amat ketara.

[13] Di pihak defendan pula telah dihujahkan bahawa mahkamah ini tidak harus menggantikan pandangan sendiri tentang hukuman yang sepatutnya dikenakan bagi salah laku seseorang pekerja. Rujukan telah dibuat kepada kes Mahkamah Persekutuan *Ng Hock Cheng v. Pengarah Am Penjara & Ors* [1998] 1 CLJ 405 di mana soal undang-undang yang telah dikemukakan untuk keputusan mahkamah ialah sama ada mahkamah mempunyai kuasa untuk campur tangan dengan sesuatu hukuman yang telah dikenakan oleh Lembaga Rayuan. Telah diputuskan sama ada seseorang pegawai yang telah dikenakan tindakan tatatertib itu sepatutnya dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat tidak terbuka untuk penentuan mahkamah. Majikan adalah orang terbaik bagi menghakimkan bertanya salah laku seseorang pekerjanya.

[14] Dalam kes sekarang ini SD1 telah dengan jelas menyatakan plaintif telah dibuang kerja setelah mengambil kira kesalahan yang dilakukannya adalah serius dalam perkhidmatan polis. Pada pendapat saya alasan yang telah diberikan itu adalah munasabah setelah mengambil kira bahawa plaintif adalah seorang anggota

A pasukan polis yang turut terlibat dalam menguatkuasakan undang-undang. Sebagai seorang anggota pasukan polis plaintif hendaklah sentiasa menunjukkan disiplin yang tinggi dan sentiasa taat kepada apa-apa arahan sah yang diberikan kepadanya. Oleh itu dengan bersandarkan kepada prinsip dalam kes *Ng Hock Cheng v. Pengarah*
B *Am Penjara & Ors* di atas, saya mendapati tiada sebab bagi saya untuk campur tangan dalam hukuman buang kerja yang telah dikenakan terhadap plaintif.

[15] Saya juga mendapati tidak terdapat apa-apa merit dalam isu-
C isu lain yang telah dibangkitkan. Mengenai dakwaan bahawa plaintif telah terpengaruh untuk mengaku salah berdasarkan kepada hukuman ringan yang pernah dikenakan ke atas pegawai-pegawai lain sebelumnya bagi kesalahan yang serupa, saya mendapati apa-apa pengaruh sedemikian adalah tanggapannya sendiri dan tidak
D datang daripada pihak defendan. Mengenai dakwaan ketidakhadiran pegawai pendakwa bagi maksud prosiding tatatertib tersebut, ternyata kepada saya tiada keperluan untuk berbuat demikian. Prosedur di bawah peraturan 6(2) Peraturan-Peraturan 1970 adalah terpakai dalam hal di mana pegawai mengaku salah.
E Keterangan SD1 jelas menunjukkan dia telah mematuhi kehendak peraturan ini.

[16] Kesimpulannya atas alasan-alasan yang telah dinyatakan di atas saya tolak rayuan terhadap pertuduhan kedua dengan kos.

F

G

H

I